

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]**

**SOALAN**

**DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [ JELI ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan setakat mana Malaysia dapat mengekalkan daya saingnya berbanding negara-negara ASEAN lain seperti Singapura, Indonesia, Vietnam dan Thailand.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, MITI melalui agensinya iaitu Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), sentiasa membuat pemantauan ke atas kedudukan Malaysia melalui 3 laporan utama daya saing antarabangsa yang diterbitkan secara tahunan, iaitu:

- (i) *Global Competitiveness Report* yang diterbitkan oleh *World Economic Forum (WEF)*;
- (ii) *World Competitiveness Yearbook* yang diterbitkan oleh *International Institute for Management Development (IMD)*; dan
- (iii) Laporan *Doing Business* yang diterbitkan oleh *The World Bank*.

2. *Global Competitiveness Report 2019* menilai faktor-faktor yang membolehkan negara mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran dalam jangka panjang melalui 12 teras iaitu institusi, infrastruktur, penggunaan ICT, kestabilan makroekonomi, kesihatan, kemahiran, pasaran produk, pasaran buruh, sistem kewangan, saiz pasaran, dinamisme perniagaan dan keupayaan inovasi yang

melibatkan 103 indikator. Untuk laporan 2019, Malaysia berada di kedudukan ke-27 di kalangan 141 negara, mendahului negara-negara ASEAN seperti Thailand (ke-40), Indonesia (ke-50) dan Vietnam (ke-67). Sementara, dalam kalangan 21 buah negara-negara APEC, Malaysia berada di kedudukan ke-10 mendahului Thailand (ke-13), Indonesia (ke-16) dan Vietnam (ke-20). Daripada 12 teras daya saing yang diukur, Malaysia berada di kedudukan 25 teratas untuk 6 teras, dengan teras tertinggi dalam sistem kewangan pada tangga ke-15, diikuti oleh dinamisme perniagaan pada tangga ke-18, pasaran produk dan pasaran buruh pada tangga ke-20, saiz pasaran pada tangga ke-24 dan institusi berada di kedudukan ke-25.

3. *World Competitiveness Yearbook (WCY) 2019* pula adalah laporan yang mengukur daya saing sesebuah negara berdasarkan indeks daya saing yang terdiri daripada empat (4) input faktor iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur. Untuk laporan WCY 2019, Malaysia berada di kedudukan ke-22 di kalangan 63 negara mengatasi negara-negara ASEAN seperti Thailand, di kedudukan ke-25 dan Indonesia di kedudukan ke-32. Secara keseluruhannya, Malaysia menunjukkan peningkatan dalam faktor infrastruktur, menduduki tempat ke-28 (WCY 2018: ke-33) dan ini adalah kedudukan tertinggi bagi Malaysia sejak tahun 2015. Bagi faktor prestasi ekonomi Malaysia berada di kedudukan ke-11, kecekapan kerajaan di kedudukan ke-24 dan kecekapan perniagaan ke-18.

4. Bagi laporan *Doing Business 2020* pula, Malaysia berada di kedudukan ke-12 daripada 190 buah negara, meningkat sebanyak tiga (3) kedudukan dari tahun sebelumnya (DB 2019: ke-15). Laporan ini mengukur 10 indikator yang merangkumi keseluruhan kitaran perniagaan iaitu memulakan perniagaan, urusan permit pembinaan, mendapatkan bekalan elektrik, pendaftaran hartanah, mendapatkan kredit, melindungi pelabur minoriti, pembayaran cukai, perdagangan rentas sempadan, penguatkuasaan kontrak dan penyelesaian insolvensi. Laporan ini menunjukkan bahawa Malaysia adalah lebih kompetitif berbanding Thailand (ke-21), Viet Nam (ke-70) dan Indonesia (ke-73).

5. Secara keseluruhannya, Malaysia adalah lebih kompetitif dalam ketiga-tiga laporan daya saing yang telah dinyatakan mengatasi Indonesia, Vietnam dan Thailand. Singapura mengatasi negara-negara ASEAN yang lain di dalam ketiga-tiga laporan daya saing ini, di mana untuk *Global Competitiveness Index 2019* dan *World Competitiveness Yearbook 2019*, Singapura berada di kedudukan pertama. Untuk laporan *Doing Business 2020* pula, Singapura berada di kedudukan ke-2.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Bagi memastikan negara terus berdaya saing, beberapa inisiatif dan 'value-proposition' telah dan sedang dijalankan, antaranya adalah:

- i) *Malaysia Productivity Blueprint* (MPB) yang telah dilancarkan pada Mei 2017 akan terus memainkan peranan utama di dalam meningkatkan produktiviti, inovasi perusahaan, daya saing dan menangani isu dan cabaran melalui sembilan (9) Nexus Produktiviti dengan mengabungkan kepakaran industri, kerajaan dan universiti tempatan. Sembilan (9) Nexus Produktiviti tersebut adalah peruncitan dan makanan & minuman (F&B), perkhidmatan profesional, pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), penjagaan kesihatan swasta, elektrik dan elektronik, kimia dan produk kimia, jentera dan peralatan (M&E) dan agro-makanan;
- ii) Bagi mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan dalam pelaksanaan undang-undang serta mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, Amalan Baik Peraturan (GRP) dilaksanakan ke atas peraturan-peraturan berkaitan perniagaan. Peraturan-peraturan tersebut dikaji semula dan langkah-langkah penambahbaikan dilakukan bagi mengenalpasti dan mengurangkan beban peraturan yang tidak perlu. Penjimatan kos pematuhan telah dicapai melalui pelbagai program peningkatan seperti *Reducing Unnecessary Regulatory Burden* (RURB) dan memproses projek-projek inovasi seperti Pengurusan Lean (*Lean Management*);

- iii) Mewujudkan 10 *Technical Working Group* untuk mengkaji dan menyemak 10 indikator dalam Laporan *Doing Business* melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH). MPC yang bertindak sebagai Sekretariat PEMUDAH akan memantau *reform* yang dikenalpasti yang akan memberi impak positif kepada kedudukan Malaysia dalam Laporan *Doing Business* melalui kerjasama erat di antara sektor awam dan swasta;
- iv) Bagi membolehkan industri mendepani cabaran revolusi Industri 4.0, industri digalakkan bergerak aktif ke arah penggunaan teknologi Revolusi Industri 4.0 (I4.0). Untuk ini, kerajaan melalui MITI telah memperkenalkan polisi *Industry4RWD* yang antara lain turut membangunkan *Readiness Assessment Programme* bagi membolehkan industri menilai kedudukan semasa, mengenalpasti jurang dan mengorak langkah ke arah Industri 4.0;
- v) Bekerjasama dengan kementerian dan agensi dalam Program Pengurusan Data bagi memastikan data yang dibekalkan adalah tepat, terkini dan memenuhi definisi yang diperlukan oleh badan penarafan antarabangsa. Untuk itu, jawatankuasa Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) telah dibentuk bagi mengesahkan data-data Malaysia sebelum disalurkan kepada badan penarafan antarabangsa;
- vi) Penyebaran maklumat daya saing melalui penerbitan bercetak dan elektronik juga akan terus dipergiatkan dalam bentuk *booklet*, infografik dan artikel selain penganjuran sesi libat urus (*consultation*) bersama industri serta pihak media untuk mewar-warkan inisiatif-inisiatif penambahbaikan yang telah dijalankan dan prestasi Malaysia kepada pihak umum.
- vii) Antara program bagi menerapkan produktiviti dalam budaya kerja, perkongsian amalan terbaik dijalankan bagi mengukuhkan kedudukan nilai tambah industri dalam rangkaian

## SOALAN NO : 248

nilai dan menjimatkan kos operasi. Platform bagi program ini adalah melalui sesi seminar, konvensyen dan persidangan di mana organisasi berkongsi amalan terbaik, berbincang serta bertukar pandangan dengan organisasi lain bagi meningkatkan produktiviti masing-masing. Sesuai dengan persekitaran teknologi digital, perkongsian amalan terbaik ini juga dimuatnaik melalui portal *Productivity Way Up* di peringkat nasional dan sistem *Benchmarking Online Networking Database (BOND)* yang boleh diakses melalui laman sesawang rasmi MPC.

7. Usaha-usaha ini akan terus dipergiatkan lagi bagi memastikan Malaysia berada dalam kelompok negara yang paling berdaya saing dan seterusnya menjadi pilihan pelabur antarabangsa.

Sekian, terima kasih